Matematik Penggunaan

insurans

by : rraezzz

insurans

- insurans bertujuan memindahkan risiko daripada individu kepada organisasi insurans
- kontrak insurans dimeterai antara syarikat insurans dengan pemilik insurans
- dalam kontrak ini, syarikat dikehendaki membayar ganti rugi atau pampasan bagi kerugian yang dilindungi seperti yang dinyatakan dalam polisi, sebagai balasan kepada bayaran premium yang dibuat oleh pemegang polisi
- jumlah pembayaran ganti rugi yang akan dibayar kepada pemegang polisi adalah hanya setakat jumlah kerugian yang dialami
- prinsip utama dalam sistem insurans adalah untuk memulihkan kedudukan kewangan pemegang polisi keadaan sebelum berlakunya kerugian yang juga dikenali sebagai prinsip indemniti
- prinsip insurans tidak akan membenarkan pemegang polisi memperoleh keuntungan daripada insurans yang dibeli
- insurans berkepentingan untuk mengurangkan beban kewangan yang akan ditanggung oleh pemegang polisi

by : rraezzz

jenis insurans

1) insurans hayat (kematian, hilang upaya, penyakit kritikal)
2) insurans motor
3) insurans kebakaran
4) insurans perubatan dan kesihatan
5) insurans kemalangan diri
6) insurans perjalanan
7) insurans berkelompok kepada organisasi
8) insurans berkelompok kepada murid

premium bagi insurans hayat

- nilai premium yang dibayar bergantung pada nilai muka yang dipilih, umur, jantina dan sama ada merokok atau tidak
- pengiraan premium ini merujuk kepada jadual kadar premium bagi setiap rm x nilai muka

$$\text{Premium} = \frac{\text{Nilai muka polisi}}{\text{RM}x} \times \left(\begin{matrix}\text{Kadar premium} \\ \text{per RM}x\end{matrix}\right)$$

by : rraezzz

Premium bagi insurans motor

- dikira bedasarkan tarif motor yang menyediakan premium minimum bagi perlindungan insurans
- tarif dikawal oleh undang-undang
- jumlah premium bergantung pada factor seperti jenis kenderaan, kegunaan kenderaan, kapasiti enjin, jenis dan jumlah perlindungan yang diinginkan
- kadar premium yang dikenakan adalahberbeza bagi setiap polisi motor

rumus mengira premium asas polisi komprehensif

- bagi semenanjung malaysia, premium asas – kadar bagi rm1000 yang pertama + rm26 bagi setiap rm1000 atau sebahagian daripada itu bagi nilai yang melebihi rm1000
- bagi sabah dan sarawak, premium asas – kadar bagi rm1000 pertama + rm20.30 bagi setiap rm1000 atau sebahagian daripada itu bagi nilai yang melebihi rm1000

by : rraezzz

deduktibel

- merupakan satu jumlah idtanggung oleh pemegang polisi sebelum layak membuat tuntutan daripada syarikat insurans
- terdapat dalam kontrak insurans harta, insurans perubatan dan kesihatan, dan insurans motor
- tidak terdapat dalam insurans hayat dan insurans liabiliti diri

ko-insurans dalam insurans harta

- ko-insurans ialah perkongsian bersama kerugian antara syarikat insurans dengan pemegang polisi
- pemegang polisi dikehendaki menginsuranskan hartanya pada satu jumlah tertentu berdasarkan peraturan ko-insurans

Jumlah insurans yang harus dibeli
= Peratusan ko-insurans × Nilai boleh insurans harta

1 **Jika nilai yang diinsuranskan = jumlah insurans yang harus dibeli**
Bayaran pampasan
= Jumlah kerugian – Deduktibel
dengan keadaan jumlah kerugian ⩽ jumlah insurans yang telah dibeli.

2 **Jika nilai yang diinsuranskan < jumlah insurans yang harus dibeli**
Bayaran pampasan

$$= \left(\frac{\text{Jumlah insurans yang telah dibeli}}{\text{Jumlah insurans yang harus dibeli}}\right) \times \left(\text{Jumlah kerugian}\right) - \text{(Deduktibel)}$$

3 **Mengalami kerugian menyeluruh**
Bayaran pampasan

$$= \left(\text{Jumlah insurans yang telah dibeli}\right) - \text{(Deduktibel)}$$

TiP Bestari
Dengan adanya peruntukan deduktibel dan ko-insurans dalam polisi insurans, premium yang dibayar akan menjadi rendah.

by : rraezzz

Panduan memilih insurans

1) ketahui jumlah perlindungan yang diperlukan
2) bandingkan kadar premium dan manfaat insurans
3) fahami skop perlindungan, terma dan syarat polisi
4) elakkan perlindungan yang tidak perlu

ko-insurans dalam insurans kesihatan

- ko-insurans ditetapkan dalam fasal penyertaan peratusan, khasnya bagi polisi insurans perubatan utama
- pemegang polisi menanggung sebahagian daripada kos perubatan yang dilindungi kontrak mengikut suatu kadar yang dipersetujui slepas mengambil kira peruntukan deduktibal sekiranya ada
- contoh : penyertaan peratusan ko-insurans 80/20 bermaksud syarikat mnanggung 80 peratus daripada kos perubatan dan 20 peratus akan ditanggung oleh polisi

by : rraezzz